



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29/7/2011

Kerajaan sudah lama amalkan toleransi demi kepentingan semua - Najib

Jangan mudah lupa sejarah

Oleh **SAHBULAH DARWI**
pengarang@utusan.com.my

ALOR SETAR 28 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan rakyat agar sentiasa memperingati sejarah penubuhan negara kerana kerajaan sejak dahulu lagi telah mengamalkan dasar-dasar toleransi, demokratik dan liberal bagi menjaga kepentingan semua pihak.

"Ini perlu kita ingat, jangan kita menjadi buta sejarah dan jangan kita jadi tidak mengenang budi kerana bangsa yang mulia ialah bangsa yang mengingati sejarah dan bersikap mengenang budi," kata Perdana Menteri.

Najib berkata, sebagai contoh, keputusan para pemimpin yang mengasaskan negara sewaktu mencapai kemerdekaan untuk membenarkan penubuhan sekolah pelbagai aliran adalah dasar yang tepat.

"Ini merupakan keputusan yang dibuat oleh pengasas negara kita sejak waktu negara kita mencapai kemerdekaan.

"Pemimpin Parti Perikatan masa itu telah membuat keputusan tersebut walaupun pemimpin daripada parti lain telah menentang tetapi pemimpin Perikatan memahami cara ini amat se-

suai bagi rakyat negara ini," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Keat Hwa 1 di Jalan Kuala Kedah dekat sini serta sambutan 100 tahun penubuhan sekolah itu.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan bantuan kewangan sebanyak RM1.1 juta kepada tujuh sekolah dan Persatuan Bekas Pelajar SMJK Keat Hwa.

Menurutnya, jika pemimpin terdahulu tidak membuat keputusan tersebut, sudah tentu tiada sekolah SMJK Keat Hwa yang menyambut ulang tahun ke-100 hari ini.

Najib berkata, sejak dahulu lagi, dasar-dasar kerajaan adalah mengikut amalan demokrasi dan oleh itu, jangan ada mana-mana pihak menafikan perkara tersebut.

Dalam pada itu, tujuh sekolah yang menerima sumbangan daripada Perdana Menteri ialah SMJK Keat Hwa 1, SMJK Keat Hwa 2, SMJK Sin Sungai Petani, SMJK Chio Min, Sekolah Menengah (SM) Keat Hwa Persendirian, SM Persendirian Sin Min Alor Setar dan SM Persendirian SIN Min Sungai Petani.



SORAKAN

NAJIB Tun Razak bersama isteri Rosmah Mansor dan Ahmad Bashah Md. Hanipah (kiri) bersorak sewaktu Malaysia meraih gol pertama menerusi Safee Sali dalam aksi menentang Singapura pada perlawanan bola sepak kelayakan Piala Dunia, semalam. Perdana Menteri dan isteri menyaksikan perlawanan itu secara langsung menerusi layar di Dewan Wawasan Jitra, Kedah, semalam. Bagaimanapun Malaysia hanya mencatat keputusan seri 1-1 dan terkeluar daripada saingan seterusnya apabila tewas dengan agregat 4-6. - UTUSAN/HALIM, KHALID